

Sah: Malaysia tarik diri dari Konvensyen ILO

KUALA LUMPUR 23 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan bahawa Malaysia telah menarik diri dari Konvensyen 105 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang mengharamkan sebarang bentuk buruh paksaan.

Sambil menyifatkan badan dunia buruh itu sebagai "suka mencari kesalahan negara - negara sedang membangun," Perdana Menteri berkata Malaysia tidak perlu menyokong konvensyen itu lagi setelah apa yang ditunjukkan oleh ILO kepada negara ini.

Beliau berkata ILO tidak berminat untuk mengambil berat terhadap masalah - masalah negara membangun sebaliknya asyik mengemam apa sahaja yang Malaysia lakukan.

"Tindakan Malaysia menarik diri dari konvensyen tersebut adalah merupakan satu bentuk bantahan kepada tindak - tanduk tersebut yang boleh dianggap sebagai sesuatu yang sudah melampaui batas," katanya kepada para wartawan selepas merasmikan tapak pembinaan Institut Jantung Negara di sini petang ini.

Beliau menegaskan demikian sebagai menjawab pertanyaan para wartawan apakah benar Malaysia telah menarik diri dari konvensyen itu sebagai protes kepada tindak - tanduk ILO yang semakin menekan negara - negara yang mempunyai undang - undang bercanggah dengan badan dunia itu.

Menjawab persoalan tersebut, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan ILO sejak akhir - akhir ini menunjukkan sikap yang negatif terhadap perkembangan politik dan sosial di Malaysia malah "mereka tak seronok melihat keadaan yang semakin stabil di negara kita."

Sambil merujuk kepada kes banduan yang bekerja, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan kerajaan mesti menggunakan banduan untuk membuat kerja - kerja tertentu dengan bayaran yang kecil sebagai satu cara hukuman.

"Mereka mesti bekerja. Tak mungkin mereka tinggal di penjara untuk makan dan minum sahaja. Bayaran yang kecil itu pula adalah setimpal dengan hukuman yang sedang mereka jalani," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Beliau menegaskan, jika soal tersebut dianggap bercanggah dengan Konvensyen 105, ini menunjukkan ILO tidak begitu berminat untuk mengambil berat masalah yang negara - negara membangun hadapi.

Perlu disebut, menurut Konvensyen 105 itu setiap banduan yang dipaksa bekerja telah ditafsirkan sebagai satu bentuk buruh paksaan.

ILO juga selama ini telah membantah peruntukan yang terkandung dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang memberi kuasa kepada Menteri Buruh menggunakan budi bicaranya menghentikan tindakan mogok atau perusahaan.

Sejak ia diterima oleh ILO, 50 buah negara termasuk Amerika Syarikat dan Russia tidak pernah mengiktiraf Konvensyen 105 itu.

Singapura adalah negara pertama menarik diri dari Konvensyen 105 selepas mengiktirafnya pada tahun 1965.

Konvensyen itu diluluskan oleh ILO pada tahun 1957 dan diiktiraf oleh Malaysia setahun kemudian.

Konvensyen 105 menegaskan bahawa setiap ahli ILO yang mengiktirafnya mestilah menghapuskan sebarang bentuk paksaan atau buruh paksaan.